

24/11/1999

China sokong tubuh EAMF

Wan Sabariah Shikh Ali

PUTRAJAYA, Selasa - China memberi sokongan penuh terhadap cadangan penubuhan Tabung Mata Wang Asia Timur (EAMF) bagi mewujudkan sistem sokongan kewangan kepada negara rantau ini mengalami masalah.

Perdana Menteri China, Zhu Rongji, berkata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengemukakan cadangan itu kepada beliau dalam lawatannya ke republik itu Ogos lalu.

"China sentiasa menyokong cadangan Tabung Mata Wang Asia (AMF) yang kemudiannya ditukar kepada EAMF," katanya menjawab soalan pemberita selepas menyaksikan majlis menandatangani tiga dokumen perjanjian di antara Malaysia-China, di sini hari ini.

Cadangan penubuhan AMF, iaitu satu badan yang menyerupai Tabung Mata Wang Antarabangsa (IMF) tetapi khusus untuk membantu negara rantau Asia, pada mulanya dipersetujui oleh Jepun yang bersedia menjadi pembiaya utama. Bagaimanapun, idea itu mendapat bantahan keras Amerika Syarikat.

Idea menjayakan penubuhan tabung yang serupa, dikenali sebagai EAMF, terus dikemukakan oleh Dr Mahathir dalam pelbagai forum antarabangsa dan dalam pertemuan dengan pemimpin rantau ini.

Zhu berkata, hasil terakhir kepada cadangan itu bagaimanapun bergantung kepada perundingan terperinci dan pertukaran idea di kalangan semua pihak terbabit.

Pada majlis taklimat media kemudiannya, Menteri Luar, Datuk Seri Syed Hamid Albar berkata dalam mesyuarat dua hala pagi tadi, Beijing dan Kuala Lumpur bersetuju untuk terus mempromosi idea ke arah penubuhan Perundingan Ekonomi Asia Timur (EAEC).

"Idea ini tentu sekali turut meliputi cadangan pembentukan EAMF. Perdana Menteri China menyatakan cadangan mewujudkan EAMF adalah satu idea yang berwawasan," katanya.

Beliau berkata, Zhu bersetuju supaya kajian dan perbincangan lanjut diadakan untuk membolehkan idea EAMF menjadi satu kenyataan.

Syed Hamid berkata, selepas mendapatkan sokongan satu daripada ekonomi terbesar di Asia itu, usaha akan dijalankan untuk menubuhkan EAMF sebelum isu mekanisme, struktur dan sumbangan bagi menjayakan tabung itu. Katanya, isu itu akan turut dibincangkan dalam Sidang Kemuncak Tidak Rasmi Asean di Manila pada hujung minggu ini. Syed Hamid akan menghadiri sidang itu pada 28 November sebagai wakil khas Perdana Menteri.

Mengenai perjanjian yang dimeterai kedua-dua pihak, Syed Hamid berkata tiga dokumen ditandatangani bertujuan meningkatkan kerjasama rapat termasuk memberi laluan kepada penubuhan bank di kedua-dua negara.

Perjanjian persefahaman (MoU) mengenai penubuhan institusi perbankan di wilayah masing-masing ditandatangani oleh Timbalan Gabenor Bank Negara Datuk Dr Zeti Akhtar Aziz dan Timbalan Gabenor People's Bank of China, Yan Haiwang.

Perjanjian mengenai kerjasama kebudayaan ditandatangani oleh Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan Datuk Abdul Kadir Sheikh Fadzir dan Menteri Luar China Tang Jia Xuan.

Perjanjian bagi pertukaran haiwan ditandatangani oleh Ketua Setiausaha Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar Datuk Cheah Kong Wai dan duta China ke Malaysia, Guan Dengming.

(END)